

Benarkah Dr Mahathir Bankrapkan Negara?

Era Bafu - 30/6/2006

Oleh: **PENULIS JEMPUTAN**

SALAH satu perkara yang sangat mengguris hati bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad adalah berkenaan dakwaan bahawa kononnya beliau telah menghabiskan wang kerajaan atau dengan perkataan lain membuatkan negara muflis ketika mentadbir negara. Persoalannya, sejauh mana kebenaran dakwaan itu dan jika benar, bagaimana wang tersebut dibelanjakan?

Adakah ia dibelanjakan untuk membina KLCC, KLIA, Putrajaya dan beberapa projek yang dikatakan projek mega. Tetapi bukannya projek-projek ini kini sudah memberi manfaat kepada negara dan rakyat dan menjadi tumpuan orang ramai?

Porsoalan kedua, siapakah yang bertanggungjawab menyebarkan berita seperti itu? Ramai yang berkata bahawa Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tidak mungkin berkata sedemikian kerana beliau sama-sama berada dalam kabinet Dr. Mahathir sebagai Timbalan Perdana Menteri dan sudah tentunya beliau serta anggota-anggota kabinet yang lain mengetahui setiap projek yang telah dilaksanakan dan dibina! Umpamanya, Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu sudah tentu lebih arif tentang perkara itu kerana kebanyakan projek-projek yang dinamakan di atas melibatkan kementerian Samy Vellu.

Justeru, Samy Vellu pastinya memahami sepenuhnya dan telah sama-sama mempersetujui projek-projek yang dianggap sebagai projek mega itu. Mengapa kini Samy Vellu tidak bersuara dan mendiamkan diri apabila bos lamanya ditikam dari belakang oleh pihak-pihak tertentu? Mengapa Samy Vellu cepat sangat lupa kepada apa yang berlaku ketika beliau di bawah pentadbiran Dr. Mahathir?

Rasanya tidak adil bagi Dr. Mahathir dikedam atau dimalukan sebegitu rupa walhal sebahagian besar daripada anggota kabinet yang ada sekarang adalah orang-orang yang sama duduk dalam kabinet Dr. Mahathir suatu ketika dahulu. Mereka juga terlibat dengan kepu-



Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi



Tun Dr. Mahathir Mohamad



Datuk Seri S Samy Vellu

utusan jemaah menteri ketika itu dan merestuinnya.

Janganlah dibiarkan Dr. Mahathir yang telah berjasa begitu banyak kepada bangsa dan negara termasuk memberi kedudukan kepada mereka dalam Kerajaan, tidak terbela kerana pembelaan terhadap Tun Dr. Mahathir bukan bermakna tidak menyokong Pak Lah.

Dalam pada itu, bekas Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah dalam pertemuannya dengan pihak media baru-baru ini, beliau ditanya samada benarkah tuduhan yang dilemparkan terhadap Dr. Mahathir dan benarkah bekas Perdana Menteri itu telah membelanjakan begitu banyak wang kerajaan untuk projek mewah. Tengku Razaleigh berkata bahawa, benar Dr. Mahathir berbelanja tetapi perbelanjaan itu adalah untuk projek-projek yang memberi manfaat kepada rakyat dan negara.

TAKDIR

Menurutnya, Kerajaan perlu berbelanja supaya ekonomi negara dapat bergerak maju dan berkembang. Jus teru, syarikat-syarikat akan mendapat kontrak selain daripada memberi pekerjaan yang banyak kepada penduduk tempatan dan warga asing.

Itu bukannya membazir! Orang ramai yang ditemui juga bersetuju bahawa kerajaan mesti sanggup berbelanja untuk menggerakkan ekonomi negara dan mereka

tidak mempersoalkan perbelanjaan yang besar kerana mereka boleh nampak dengan mata sendiri projek-projek yang telah siap dibina,

Sesungguhnya, mereka boleh melihat apa yang telah dilakukan oleh Dr. Mahathir dalam membangunkan negara yang kini sudah lebih terkenal dan dikagumi melalui pembinaan 'Bangunan Berkembang Petronas' yang begitu popular dan dilawati setiap hari.

Bukan sahaja popular di kalangan orang tempatan bahkan lebih popular kepada orang luar. Justeru, tuduhan yang melulu oleh sesetengah pihak bahawa Dr. Mahathir telah memfliskan nega-

ra adalah tidak benar sama sekali.

Dr Mahathir dalam satu kenyataannya percaya bahawa Kerajaan kini mempunyai wang yang cukup banyak dan melebihi daripada ketika dibawah pentadbirannya.

Negara mempunyai wang yang cukup melalui keuntungan syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan (GLC).

PETRONAS dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) umpamanya, masih mempunyai jumlah wang yang melimpah-limpah. Dan menurut Dr. Mahathir wang tersebut boleh digunakan untuk projek-projek tertentu tanpa meminjam dari mana-mana pihak.

Apakah ada pihak yang sengaja menimbulkan isu muflis agar projek-projek Dr Mahathir dihataalkan demi menjaga kepentingan masing-masing? Atau mungkin juga projek-projek mega Dr Mahathir dilihat tidak mendatangkan faedah kepada pihak-pihak tertentu, justeru pihak berkenaan sengaja membuatkan seolah-olah projek mewah itu merugikan negara.

Itulah yang mengguris hati Dr M. Sebenarnya! Dr M mengharapkan penjelasan, walaupun bukan dari mulut Pak Lah, mungkin dari wakil-wakilnya.

Namun, seelok-eloknya kedua-dua tokoh berkenaan bertemu bagi menyelesaikan kekusutan yang telah timbul. Kerana perkara itu sebenarnya telah pun menjadi buah mulut rakyat dan pastinya, ramai yang tertunggu-tunggu penjelasan daripada Kerajaan berhubung isu-isu berkenaan.